

Umno cadang pindaah milik tanah disekat

PASIR GUDANG, Ahad — Umno cawangan Kampung Kong-Kong Laut, kira-kira 17 kilometer dari sini, akan mendesak Kerajaan Negeri mewartakan semua tanah orang Melayu di situ menjadi Tanah Simpanan Melayu sebagai langkah menyekat penjualan tanah kepada orang bukan Melayu.

Ketua Umno cawangan itu, Encik Jantan Ibrahim, berkata kebelakangan ini kegiatan menjual tanah kepada orang bukan Melayu bertambah dan dianggarkan lebih 9.6 hektar tanah orang Melayu su-

dah dijual kepada bukan Melayu, termasuk warganegara Singapura.

Katanya, nilai tanah pada 1973 ialah kira-kira \$20,000 untuk 0.4 hektar, meningkat kepada \$50,000 pada 1982 dan kini terus meningkat hingga \$150,000.

"Kebanyakan orang Melayu cepat rambang mata dan terus menjualkan tanah mereka apabila mendapat tawaran tinggi.

"Mereka sanggup menjadi peneroka-peneroka asalkan tanah yang dijualnya mendapat harga tinggi. Perkara ini amatlah membimbangkan dan jika tidak disekat, kemungkinan lebih banyak tanah

lagi akan dijual," tegasnya.

Kerana menyedari hakikat ini, Umno cawangannya akan mendesak Kerajaan Negeri mewartakan tanah orang Melayu di situ sebagai Tanah Simpanan Melayu kerana cara ini saja dapat mengatasi kehilangan hakmilik tanah.

Katanya, pemilik bukan Melayu itu adalah pemodal-pemodal besar dari Johor Bahru dan ada seorang pemodal Singapura memiliki 2.4 hektar tanah.

Ada yang mengusahakan tanah itu sebagai tempat menyimpan minyak pembakar atau untuk sesuatu projek.

Encik Jantan percaya ada orang tengah, yang memujuk orang-

orang Melayu di situ menjualkan tanah mereka dengan harga tinggi.

Beliau bimbang jumlah kira-kira 250 orang Melayu di situ akan berkurangan, sebaliknya bilangan bukan Bumiputera akan bertambah.

"Mungkin pada masa akan datang orang Melayu di Kong Kong Laut terpaksa menjadi peneroka tanah kerajaan sekiranya mereka terus menjualkan tanah-tanah di kampung itu," ujarnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia